

HAK PARTISIPASI vs. HAK PRIVASI: ANALISIS PERUNDANGAN TERHADAP KESELAMATAN KANAK-KANAK DI ALAM SIBER

Norazla Abdul Wahab

Pensyarah, Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah & Undang-undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

E-mel: norazla@kuis.edu.my

Hammad Mohamad Dahalan

Pensyarah, Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah & Undang-undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

E-mel: hammad@kuis.edu.my

Farah Mohd Shahwahid

Pensyarah, Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah & Undang-undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

E-mel: farahms@kuis.edu.my

Abstrak

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak mengubah landskap berfikir dan budaya kehidupan masyarakat. Di era digital ini kanak-kanak tidak terkecuali dari menjadi kelompok pengguna internet tegar. Mereka kini banyak bergantung dengan alat digital untuk belajar, bermain, berinovasi atau bersosial. Dari satu aspek, kanak-kanak ini telah diraikan haknya untuk mengambil bahagian (partisipasi) apabila diberikan ruang untuk meneroka, menguasai dan memperkembangkan pelbagai kemahiran dalam ilmu pengetahuan melalui kemudahan internet tersebut. Namun pendedahan secara meluas dan tanpa batas kepada kemudahan internet dan teknologi akan mendedahkan kanak-kanak kepada risiko dan ancaman jenayah siber. Perlanggaran hak privasi kanak-kanak juga boleh berlaku apabila identiti mereka didedahkan secara keterlaluan sama ada dari kanak-kanak itu sendiri, ibu bapa dan masyarakat awam. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis hak partisipasi dan hak privasi kanak-kanak dari perspektif undang-undang dan Islam selain mengenal pasti perlindungan undang-undang terhadap keselamatan kanak-kanak di alam siber. Bagi menjalankan kajian tersebut, analisis akan dibuat terhadap beberapa konvensyen antarabangsa, perundangan dan nas-nas yang berkaitan. Hasil kajian mendapati hak partisipasi dan hak privasi merupakan antara hak asasi kanak-kanak yang diiktiraf di dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC). Walau bagaimana pun kedua-dua hak ini perlu seimbang dalam memelihara keselamatan kanak-kanak di alam siber. Di beberapa buah negara, beberapa undang-undang khas seperti Children Online Privacy Protection Act, Family Educational Right to Privacy Act dan Privacy Act telah digubal bagi mengiktiraf hak privasi kanak-kanak dan sebagai langkah perlindungan terhadap keselamatan kanak-kanak di negara mereka. Kajian ini adalah signifikan dalam merangka satu garis panduan, pelan tindakan, polisi dan perundangan berkaitan dengan hak partisipasi dan hak privasi kanak-kanak di era digital ini.

Kata Kunci: Hak Asasi, Hak Partisipasi, Hak Privasi, Kanak-kanak, Keselamatan Siber .

1. Pendahuluan

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak mengubah landskap berfikir dan budaya kehidupan masyarakat. Jika dahulu kita menggunakan pendekatan tradisional dalam berkomunikasi, pengajaran dan pembelajaran umpamanya, namun kini seiring perkembangan teknologi kita telah mula menggunakan internet dan gadget. Kanak-kanak yang ditakrifkan oleh seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 sebagai seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah tidak terkecuali dari fenomena ini. Statistik dari Cyber security dan Kementerian Pendidikan pada 2016 menunjukkan bahawa 45% kanak-kanak yang

berumur tujuh hingga sembilan tahun adalah mahir menggunakan internet. Malah hampir 92.5% kanak-kanak yang berumur antara 13 hingga 17 tahun adalah merupakan pengguna internet tegar. Kanak-kanak yang masih bersekolah ini telah menghabiskan masa dalam talian sekitar 20.9 jam seminggu iaitu lebih lama berbanding purata penggunaan pengguna lain iaitu sekitar 18.83 jam seminggu. Mereka kini banyak bergantung dengan alat digital dan internet untuk belajar, bermain, berinovasi atau bersosial.

Sebagai contoh, kanak-kanak turut menggunakan rangkaian sosial seperti Facebook, Instagram, Myspace, Twitter, dan sebagainya untuk bersosial dengan rakan-rakan. Antara matlamat asal perkhidmatan rangkaian sosial dan internet adalah untuk membantu memudahkan beberapa urusan pengguna seperti pembelajaran, berkenalan dan berhubung antara satu sama lain (Zakaria, N et al., 2011). Dalam kebanyakan rangkaian sosial, maklumat peribadi seperti nama penuh, alamat rumah, nombor telefon dan maklumat penting yang lain adalah diperlukan ketika membuka akaun di laman web tersebut. Malah rangkaian ini turut menyediakan ruang bagi penggunanya untuk memuat naik gambar. Hampir kesemua aplikasi rangkaian sosial sebenarnya tidak memiliki kaedah untuk mengesahkan umur sebenar setiap penggunanya melainkan sekiranya ia dinyatakan secara sukarela dan jujur oleh pengguna berdaftar tersebut (Syahir & Fatin, 2009).

Dari satu aspek, kanak-kanak ini telah diraikan haknya untuk mengambil bahagian (partisipasi) apabila diberikan ruang untuk meneroka, menguasai dan memperkembangkan pelbagai kemahiran dalam ilmu pengetahuan melalui kemudahan internet. Artikel 17 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC) memperuntukkan seseorang kanak-kanak mestilah diberi akses kepada maklumat dan bahan dari pelbagai sumber yang boleh menggalakkan kesejahteraan sosial, rohani, moral dan kesihatan fizikal dan mentalnya. Ini termasuklah akses kepada maklumat melalui penggunaan internet. Namun pendedahan secara meluas dan tanpa batas kepada kemudahan internet dan teknologi akan mendedahkan kanak-kanak kepada risiko dan ancaman jenayah siber.

Terdapat beberapa jenis jenayah siber yang melibatkan kanak-kanak seperti penipuan, kecurian maklumat, pencerobohan peribadi (*invasion of privacy*), gangguan (*harassment*), fitnah siber, buli siber (*cyber bully*), pengendap siber (*cyber stalking*), pengantunan (*cyber grooming*), pencuri identiti (*identity theft*) dan ketagihan internet (Malek, M.D. & Ida Shafinaz (2010); Zakaria, N et al., 2011; Amboala, T et al., 2015). Kanak-kanak juga boleh terdedah kepada bahan-bahan pornografi atau mungkin menjadi mangsa kepada pedofilia iaitu salah laku seksual antara golongan dewasa dan kanak-kanak apabila pengguna dewasa boleh menyamar sebagai kanak-kanak dan menjalin hubungan dengan mereka. Perlanggaran hak privasi kanak-kanak juga boleh berlaku apabila identiti mereka didedahkan secara keterlaluan sama ada dari kanak-kanak itu sendiri, ibu bapa dan masyarakat awam.

Polisi internet Malaysia yang bersifat “*non-censorship*” atau tanpa sekatan mungkin antara faktor penyumbang kepada risiko tersebut. Polisi yang diperkenalkan pada tahun 1996 tersebut pada dasarnya adalah bertujuan untuk menarik pelaburan jangka masa panjang ke Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia. Maka adalah menjadi tanggungjawab pengguna internet, ibu bapa atau penjaga bagi kanak-kanak tersebut melakukan sendiri sekatan, mendisiplinkan dan mendidik anak-anak mereka mengenai penggunaan internet yang berhemah. Selain itu, tiada undang-undang yang spesifik berkaitan hak privasi kanak-kanak sebagai langkah keselamatan kanak-kanak di alam siber seperti yang terdapat di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat dan Australia (Shukor, S. A. (2006). Namun akhir-akhir ini terdapat perbahasan di barat berkaitan hak privasi dan hak partisipasi sebagai hak kanak-kanak di abad 21 (Shukor, S. A. (2006); Lievens, E. et al, 2016; Livingstone, S & Third, A, 2017; Palaiologou, I, 2017). Kedua-dua hak ini dilihat paling dominan sebagai hak asasi kanak-kanak di era digital ini.

Malaysia sebagai sebuah negara yang telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC) pada 1995 perlu mengambil langkah pro-aktif dalam menangani isu-isu berkaitan keselamatan kanak-kanak di alam siber seiring dengan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak 2009 yang turut menekankan aspek perlindungan terhadap pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak. Artikel 19 UNCRC turut memberi penegasan terhadap tanggungjawab untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak dari segala bentuk penganiayaan dan penyalahgunaan termasuk penyalahgunaan kemudahan internet.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis hak partisipasi dan hak privasi kanak-kanak dari perspektif undang-undang dan Islam selain mengenal pasti perlindungan undang-undang terhadap keselamatan kanak-kanak di alam siber. Artikel ini akan membincangkan hak partisipasi dan hak privasi, kedudukannya dalam perundangan antarabangsa, Malaysia dan syarak serta perbincangan antara hak partisipasi dan hak privasi sebagai hak asasi kanak-kanak di abad 21.

2. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis data sebagai pendekatan yang utama. Analisis akan dilakukan dengan melihat peruntukan perundangan berkaitan seperti dokumen konvensyen antarabangsa dan perundangan di Malaysia berkaitan hak partisipasi (hak mengambil bahagian) dan hak privasi sebagai langkah pencegahan jenayah siber. Beberapa perundangan berkaitan privasi di luar negara turut dirujuk dan perbandingan turut dilakukan bagi mengenal pasti kedudukan dan perkembangan hak privasi di Malaysia selain menilai akan kepentingan hak partisipasi kanak-kanak dalam menggalakkan pertumbuhan fizikal, mental dan sosial mereka.

3. Sorotan Literatur

Pada asasnya adalah mustahil untuk mengekalkan hak privasi seseorang individu terutamanya apabila sesuatu maklumat itu telah didedahkan di dalam media massa (Berman, J., & Bruening, P., 2001). Walau bagaimana pun maklumat mengenai seseorang individu tidak wajar dimanipulasi dan didedahkan kepada pihak umum demi menjaga maruah dan nama baik individu itu sendiri (Mohd Zulhelemy, 2009). Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa hak privasi merupakan salah satu bentuk perlindungan kepada kanak-kanak mahu pun orang dewasa dalam penggunaan internet. Malah sarjana barat turut membincangkan beberapa garis panduan berhubung penggunaan internet yang selamat bagi kanak-kanak. Hak tersebut telah direalisasikan dengan penggubalan beberapa undang-undang khas seperti *Electronic Communication Privacy Act, Children Online Privacy Protection Act, Family Educational Right to Privacy Act, Privacy Act 1974, Consumer Fraud Act dan Video Privacy Protection Act 1988* (Ang P.H ,2001). Ini kerana kanak-kanak dilihat kurang matang dalam memahami implikasi dari aktiviti-aktiviti dalam talian mereka (Malek, M.D. & Ida Shafinaz (2010); Zakaria, N et al., 2011).

Namun kebelakangan ini terdapat beberapa perbahasan antara hak privasi dan hak partisipasi sebagai hak bagi kanak-kanak di era digital ini. Para sarjana barat cuba untuk mengimbangkan dua hak tersebut memandangkan kedua-dua hak tersebut adalah penting bagi seorang kanak-kanak seiring dengan apa yang telah dinyatakan di dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (Lievens, E. et al, 2016; Livingstone, S & Third, A, 2017; Palaiologou, I, 2017). Mereka menegaskan bahawa ibu bapa perlu lebih bertanggungjawab dalam menjamin kedua-dua hak ini kepada kanak-kanak (Livingstone, S & Third, A, 2017).

Dalam konteks Malaysia, kajian berkaitan hak privasi sebagai perlindungan terhadap keselamatan kanak-kanak di alam siber bermula pada lewat tahun 2006 iaitu selepas 10 tahun Agenda IT Kebangsaan dilancarkan pada Disember 1996. Kebanyakan pengkaji mula membincangkan aspek risiko dan ancaman jenayah siber dan kepentingan hak privasi sebagai langkah keselamatan kanak-kanak di alam siber (Shukor, S. A. (2006); Syahir & Fatin, 2009; Malek, M.D. & Ida Shafinaz (2010); Zakaria, N et al., 2011; Ilham, N. & Salleh, M. (2015) Namun masih tiada undang-undang khas berkaitan keselamatan kanak-kanak di alam siber seperti yang terdapat di barat sehingga hari ini (Shukor, S. A. , 2006).

Tidak banyak juga perbincangan dibuat oleh sarjana terdahulu berkaitan hak privasi atau hak partisipasi dari perspektif Islam. Walau bagaimana pun, Amboala T. et al, 2014 dan Zahari, 2014 menegaskan hak privasi turut diiktiraf sebagai salah satu hak dalam kehidupan manusia di dalam Islam. Beberapa dalil di dalam Quran dan Hadis telah membincangkan hak privasi ini dalam pelbagai konteks seperti privasi dalam kediaman. Islam telah menitik beratkan adab berziarah, keperluan untuk memberi salam dan adab memasuki bilik (Zahari, 2014) serta melarang seseorang dari menceroboh hak peribadi orang lain tanpa meminta kebenaran, mencari-cari kesalahan, menyebarkan fitnah dan mengaibkan orang lain. Konsep ini sebenarnya boleh terpakai kepada hak privasi di alam siber.

4. Perbincangan

4.1 Definisi Hak Partisipasi dan Hak Privasi

Hak partisipasi dan hak privasi merupakan antara hak asasi kanak-kanak yang telah digariskan di dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC).

4.1.1 Hak Partisipasi

Hak partisipasi turut dikenali sebagai hak untuk mengambil bahagian, hak untuk membangun peribadi serta tidak didiskriminasi dan dieksplotasi . Artikel 17 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC) menegaskan bahawa seseorang kanak-kanak mestilah diberi akses kepada maklumat dan bahan dari pelbagai sumber yang boleh menggalakkan kesejahteraan sosial, rohani, moral dan kesihatan fizikal dan mentalnya. Terdapat beberapa perkara lain yang bersangkutan dengan hak partisipasi kanak-kanak dalam penggunaan internet seperti Artikel 2 (tidak didiskriminasi), Artikel 12 (hak untuk didengari), Artikel 13 (hak untuk bersuara), Artikel 14 (hak kepada kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama), Artikel 28 dan 29 (hak untuk mendapatkan pendidikan) serta Artikel 31 (hak untuk bermain) (Livingstone, S & Third, A, 2017).

4.1.2 Hak Privasi

Secara asasnya privasi ialah penyimpanan rahsia peribadi seseorang daripada disebarluaskan kepada pihak lain. Ini seiring dengan definisi yang diberikan oleh Ang P.H (2001) dan Zulhuda S (2012) yang menekankan aspek kerahsiaan sebagai elemen penting dalam privasi. Namun apabila sesuatu maklumat tersebut telah didedahkan kepada pengetahuan umum, hak privasi sebenarnya sudah tidak wujud lagi (Mohd Zulhelemy, 2009). Louis Brandeis, Hakim Mahkamah Agung Amerika Syarikat mendefinisikan hak privasi sebagai “hak bersendiri”. Ini sejajar dengan definisi yang diberikan oleh Zahari (2014) sebagai situasi bersendirian tanpa sebarang gangguan atau keupayaan mengawal aktiviti persendirian tanpa gangguan daripada elemen atau individu luar.

Privasi juga ialah tidak mengganggu kehidupan seseorang yang lain seperti melakukan pengintipan dan pencerobohan. Kedua-dua konsep privasi ini dilihat berkait rapat antara satu sama lain dalam usaha pencegahan jenayah siber. Ini kerana walaupun terdapat beberapa perundangan berkaitan kesalahan jenayah siber namun sekiranya pengguna internet sendiri tidak tahu mengawal aktiviti persendirian mereka di media sosial, maka mereka akan terjebak kepada risiko ancaman jenayah siber.

4.2 Analisis Perundangan Berkaitan Hak Partisipasi dan Hak Privasi

4.2.1 Undang-undang Antarabangsa

Hak Privasi mempunyai kedudukannya yang tersendiri di dalam undang-undang antarabangsa. Artikel 12, Universal Declaration of Human Rights umpamanya mengiktiraf hak privasi sebagai hak asasi manusia. Artikel ini menjelaskan bahawa tiada sesiapa boleh membenarkan keadaan peribadi, keluarga, rumah tangga, maruah dan nama baiknya diceroboh dan diganggu sewenang-wenangnya. Malah, mereka berhak untuk mendapatkan perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau pencerobohan sedemikian.

Manakala Artikel 8, European Convention for the Protection of the Human Rights and Fundamental Freedoms memperuntukkan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk dihormati termasuk kediaman dan ahli keluarga mereka. Selain itu, Artikel 16 UNCRC turut memperuntukkan tanggungjawab untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak daripada sebarang gangguan ke atas privasi, keluarga, tempat tinggal, surat-menyurat dan daripada fitnah libel dan slander. Ketiga-tiga konvensyen antarabangsa dilihat dapat menambah baik kedudukan hak privasi dalam perundangan Malaysia.

4.2.2 Perundangan Malaysia

Dalam konteks Malaysia, tidak banyak peruntukan undang-undang berkaitan hak privasi individu dalam perundangan Malaysia berbanding negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis dan Australia. Secara asasnya, hak privasi seseorang individu perlu diiktiraf (Mohd Zulhelemy, 2009). Namun sehingga tahun 2009, masih tidak ada perundangan yang membincangkan mengenai hak tersebut di Malaysia termasuk Perlembagaan Persekutuan (Mohd Zulhelemy, 2009). Menurut Louis Brandeis, Hakim Mahkamah Agung Amerika Syarikat hak privasi perlu dinyatakan di dalam perlembagaan sesebuah negara (Mohd Zulhelemy, 2009).

Di Malaysia, peruntukan seumpamanya tidak dinyatakan secara spesifik di dalam Perlembagaan Persekutuan (Mohd Zulhelemy, 2009) terutamanya dalam Bahagian II berkaitan kebebasan asasi seorang individu di Malaysia. Namun menurut Zulhuda S. (2012), Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan yang mengandungi elemen-elemen seperti hak untuk dihormati, hak untuk memelihara maruah, hak untuk menikmati kehidupan yang sesuai dan hak untuk kebebasan dilihat sudah memenuhi aspirasi hak privasi individu.

Walau bagaimana pun hakim Faiza Tamby Chik di dalam keputusan kes *Ultra Dimension Sdn Bhd v. Kaok Wei Kuan [2004] 5 CLJ 285]* tidak bersetuju hak privasi adalah sama dengan hak untuk hidup seperti yang diperuntukkan di dalam Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana menurut beliau hak privasi adalah “*the right to be left alone*” dan “*to live free from all intrusions by others*”. Ini adalah berbeza dengan hak untuk hidup (Zuryati, 2014). Selepas kes Ultra Dimension Sdn Bhd, para hakim telah cuba untuk mengiktiraf hak privasi. Namun dalam kebanyakan kes, konsep dan skop undang-undang privasi sepertimana hak perlembagaan yang lain seperti kebebasan berhimpun, bersuara dan berpersatu adalah

sukar untuk dijelaskan (Mohd Zulhelemy, 2009). Walaupun konsep hak privasi telah dijelaskan dengan prinsip undan-undang tort seperti pencerobohan (*trespass*), gangguan (*nuisance*) dan fitnah (*defamation*), namun ia tidak memadai untuk mengiktiraf hak privasi (Zuryati, 2014).

Malah tiada peruntukan seumpamanya dijelaskan di dalam Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) walaupun akta ini mempunyai kaitan langsung mengenai penggunaan internet di Malaysia. Namun seksyen 233 boleh diguna pakai berhubung isu penggunaan tidak wajar sesuatu kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian seperti rangkaian media sosial. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 pula hanya memberikan perlindungan terhadap maklumat peribadi seseorang tetapi penggunaannya sangat terhad iaitu terhadap urusan komersial sahaja (Zuryati, 2014).

Berbeza dengan Amerika Syarikat, terdapat banyak Akta-akta khas yang berkaitan dengan hak privasi di media sosial telah digubal seperti Electronic Communication Privacy Act, Children Online Privacy Protection Act, Family Educational Right to Privacy Act, Privacy Act 1974, Consumer Fraud Act dan Video Privacy Protection Act 1988. Sebagai contoh, US Children's On-line Privacy Protection Act (COPPA) telah membuat larangan terhadap pengusaha web daripada mendedahkan maklumat kanak-kanak yang berumur di bawah 13 tahun. Penguatkuasaan undang-undang ini menitikberatkan pemeriksaan umur sebagai satu cara mengelakkan pedofilia (Ang P.H.,2001) .

Malah, pengendali laman web tersebut dikehendaki mendapatkan kebenaran dari ibu bapa kanak-kanak yang berusia bawah 13 tahun sekiranya mereka ingin menggunakan maklumat tersebut (Jordon, A.B. (2008). Sementara itu, US Communications Decency Act (1996) memperuntukkan mana-mana individu yang dengan sengaja menghantar bahan-bahan lucu kepada kanak-kanak di bawah lapan belas tahun akan dikenakan tindakan undang-undang. Seksyen 230 Akta yang sama turut menghalang mana-mana laman web dari melakukan fitnah dan menceroboh hak privasi penggunanya

Ketiadaan undang-undang khusus mengenai hak privasi akan membawa kepada dua kesan iaitu kesukaran untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut serta berhubung remedii kepada mangsa. Sehubungan itu cadangan Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk meminda Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah amat baik kerana kedua-dua Akta ini mempunyai kekurangan dalam isu penguatkuasaan undang-undang. Pindaan tersebut pada asasnya adalah bertujuan untuk memastikan teknologi tidak disalah guna hingga menyumbang kepada perlakuan jenayah serta memberi kuasa penguatkuasaan undang sepenuhnya kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

4.2.3 Hak Partisipasi dan Hak Privasi dalam Islam

Zahari (2014) telah memetik definisi oleh Muhammad (1985) dan Husni(1993) yang menggunakan terminologi *al-hayat al-khassah* dan *al-khususiyah* dalam menerangkan maksud privasi. Islam telah mengariskan beberapa panduan berkaitan hak privasi individu yang perlu dihormati oleh orang lain. Terdapat firman Allah di dalam Al-Quran. Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu terlebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan)”

(An-Nur, 24:
27)

Dalam ayat di atas, Allah SWT menerangkan cara dan adab peraturan berziarah ke rumah orang lain, supaya terhindar perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Seseorang tidak dibenarkan menceroboh hak peribadi orang lain tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu (Amboala T. et al, 2014). Dalam konteks hari ini, mana-mana individu seperti pengendap siber atau penggodam adalah dilarang untuk menceroboh masuk ke akaun sosial media orang lain seterusnya mencuri maklumat peribadi seseorang individu dan mencari-cari kesalahannya, menyebarkan berita palsu dan membuka aib seseorang (Amboala T. et al, 2014). Seperti Firman Allah SWT yang lain. Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakkan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadapadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”

(Al-Hujurat, 49 : 12)

4.3 Pertimbangan Hak Partisipasi Vs. Hak Privasi Terhadap Keselamatan Kanak-Kanak Di Alam Siber

Beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat beberapa perbahasan antara hak privasi dan hak partisipasi sebagai hak bagi kanak-kanak di era digital ini. Para sarjana barat cuba untuk mengimbangkan dua hak tersebut memandangkan kedua-dua hak tersebut adalah penting bagi seorang kanak-kanak seiring dengan apa yang telah dinyatakan di dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (Lievens, E. et al, 2016; Livingstone, S & Third, A, 2017; Palaiologou, I, 2017). Mengambil kira perkembangan penggunaan internet di Malaysia, kaedah pembelajaran abad-21 di sekolah umpamanya telah berubah ke arah 'e-learning' iaitu pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN atau Internet) bagi menyampaikan isi kandungan dan interaksi (Koran, J. K. C. (2001). Ini merupakan titik permulaan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia menggunakan Internet untuk mencari sumber maklumat yang penting dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran.

Mereka juga turut menggunakan medium “chat groups” bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang mereka hadapi dalam pembelajaran (Alam Pendidikan Bulletin Board, 2001; Tan, 2001). Hari ini internet telah mempercepatkan proses penyebaran maklumat. Ia telah meningkatkan keupayaan untuk mengumpul, menyimpan dan berkongsi maklumat peribadi (Berman, J., & Bruening, P., 2001). Sungguhpun begitu, Berman,J. & Bruening, P. (2001) berpendapat adalah menjadi tanggungjawab bagi seseorang individu untuk mengawal penyebaran maklumat tersebut walaupun ia telah didedahkan kepada umum. Ini bermakna walaupun seorang kanak-kanak diberikan hak untuk meneroka dan menggunakan internet bagi menggalakkan kesejahteraan sosial, rohani, moral dan kesihatan fizikal dan mentalnya, namun setiap hak yang diberikan kepada kanak-kanak perlu mempunyai batasan kerana kanak-kanak juga bakal terdedah kepada risiko dan ancaman jenayah siber.

Salah satu cadangan untuk mengatasi ancaman jenayah cyber ini ialah dengan mengiktiraf hak privasi seseorang individu (Ang P.H (2001); Nasriah et al. (2011); N. Amboala T. et.al (2014) sebagai satu bentuk pencegahan awal yang dilihat mampu untuk mengelakkan seseorang daripada menjadi mangsa jenayah siber. Sehubungan itu terdapat

beberapa langkah atau garis panduan berkaitan dengan hak privasi seseorang individu dalam media sosial telah dirangka untuk tujuan tersebut. Antaranya ialah berkaitan penggunaan aplikasi rangkaian sosial. Pengguna mestilah tidak sewenang-wenangnya mendedahkan maklumat peribadi seperti nama penuh, alamat rumah, nombor kad kredit, nombor pin, kata laluan pekerjaan, identiti majikan, maklumat kewangan dan sebagainya di mana-mana aplikasi rangkaian sosial (Syahir, 2009).

Setiap pengguna juga perlu berhati-hati dalam memilih dan menerima kenalan yang ditemui dalam rangkaian sosial. Pengguna perkhidmatan rangkaian sosial diingatkan agar tidak mudah percaya dengan identiti yang dipaparkan kerana terdapat pelbagai kes identiti palsu melibatkan orang yang baru dikenali melalui web yang kemudiannya telah membuka jalan kepada berlakunya pelbagai jenayah seperti kes rogol, rompak dan penipuan (Syahir & Fatin, 2009). Pengguna juga dinasihatkan agar jangan sesekali mengetik pada pautan atau menerima dan memasang perisian yang diterima daripada orang yang tidak dikenali. Pengguna perlu sentiasa berwaspada dengan setiap tampilan keselamatan atau muat turun yang disarankan dengan merujuk kepada mereka yang lebih arif (Syahir & Fatin, 2009). Fungsi privasi juga perlu diaktifkan pada akaun rangkaian sosial (sekiranya ada) yang digunakan untuk mengawal kumpulan individu tertentu dari boleh melihat maklumat penuh atau gambar-gambar milik pengguna-pengguna yang boleh dijadikan bahan ugutan selain perlu berhati-hati ketika meletakkan mesej dan gambar yang boleh memberikan petunjuk kepada identiti atau lokasi sebenar pengguna (Syahir & Fatin, 2009).

Dalam perkembangan terkini di Malaysia, Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak (2015) telah dirangka bagi meningkatkan kesedaran untuk melindungi kanak-kanak dalam dunia siber, sebagai langkah intervensi dan pemulihan serta penyediaan sistem sokongan kepada mangsa. Beberapa kempen penggunaan Internet dengan bijak kepada kanak-kanak sedang giat dijalankan oleh badan-badan bertanggungjawab dan NGO seperti CyberSAFE (CSM), Klik Dengan Bijak (SKMM), Cyber Wellness (PKGG), Keeping Me Safe (P.S. The Children) & Be Smart (PDRM). Selain itu, sekatan akses kepada laman web lucah atau subversif kepada kanak-kanak sedang diusahakan oleh pihak kerajaan dengan penyediaan perkhidmatan 1BestariNet. Namun kawalan berupa penyediaan WiFi secara percuma ini hanya terpakai di sekolah-sekolah dan lokasi terpilih sahaja dan bukan secara menyeluruh.

5. Kesimpulan

Seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat membangun di Malaysia, kedua-dua hak partisipasi dan privasi tersebut adalah penting sebagai hak asasi kanak-kanak di era digital. Namun penekanan perlu lebih diberikan kepada perlindungan terhadap keselamatan kanak-kanak di alam siber. Sehubungan itu adalah penting bagi pihak kerajaan mempertimbangkan semula “*Non-Censorship Internet Policy*” yang telah dibuat tahun 1996 tersebut memandangkan semakin ramai kanak-kanak terlibat sebagai mangsa jenayah siber selain memperbanyak usaha-usaha ke arah pendidikan keselamatan kanak-kanak di alam siber.

Rujukan

- Ahmad Fauzi Mustafa, Akta Baru Benteng Ancaman Media Sosial, www.bharian.com, 6 Ogos 2015.
- Amboalaa, T., Mokhtara, A. H. A., Muhammad, M. Z., & Muhamad, N. H. N. (2015). Undang-Undang Siber dari Perspektif Islam. *Jurnal Teknologi*, 72, 125-130.
- Ang, P. H. (2001). The Role of Self-regulation of Privacy and the Internet. *Journal of Interactive*

- advertising*, 1(2), 1-9.
- Berman, J., & Bruening, P. (2001). Is Privacy Still Possible In The Twenty-First Century?. *Social Research*, 306-318.
- Ilham, N. M. M., & Salleh, M. A. M. (2015). Isu Privasi Dan Keselamatan Dalam Kalangan Pengguna Aplikasi Media Sosial. *e-Bangi*, 10(2). 204-216.
- Jordan, A. B. (2008). Children's Media Policy. *The future of children*, 18(1), 235-253.
- Koran, J. K. C. (2001). Aplikasi E-learning dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah-Sekolah Malaysia.
- Livingstone S & Third A, (2017). Children And Young People's Right In The Digital Age : An Emerging Agenda, *New Media & Society*.
- Malek, M.D & Ida Shafinaz Mohamed Kamil. (2010). Jenayah dan Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Cabaran Dan Realiti Dunia Siber.
- Mohd Zulhelemy Bin Abdullah @ Abd Halim, Irma Binti Kamarudin, Syatirah Binti Abu Bakar & Rosnelim Binti Yusuf (2009), The Rights to Privacy in Malaysia: An Analysis of the Existing Legal Framework.
- Musliza Mustafa, (11 September 2014), Malaysians Spends Five Hours Online Daily, And Its Mostly On Social Media, Says Report, The Malaysian Insider.
- Palaiologou, I, (2017). Digital Violence and Children under Five: The Phantom Menace within digital homes of the 21st Century? *Education Sciences & Society* (1): 123-136.
- Zakaria, N., Yew, L. K., Alias, N. M. A., & Husain, W. (2011). Protecting Privacy of Children in Social Networking Sites With Rule-Based Privacy Tool. *In High Capacity Optical Networks and Enabling Technologies (HONET)* 253-257.
- Syahrir Mat Ali & Fatin Hasnan (2009), Kesan Aplikasi Rangkaian Sosial terhadap Pengguna Internet. Keselamatan Siber dan Polisi, CyberSecurity Malaysia.
- Shukor, S. A. (2006). Protecting Children s Rights in the Internet: Challenges A Preliminary Study Based on the Malaysian Experience.
- Zahari Mahad Musa (2014), Kerangka Prinsip Privasi Berkaitan Rumah Kediaman dalam Islam 'Ulūm Islāmiyyah Journal, 12. 105 - 125
- Zulhuda S (2012), Privacy in Cyber Era: A Reality Check, Paper presented at 2nd Annual Data Protection, Kuala Lumpur, 12 &13th Disember 2012.

Konvensyen Undang-undang Antarabangsa
Universal Declaration of Human Rights
European Convention for the Protection of the Human Rights and Fundamental Freedoms
Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC).

